



23 Disember 2016
23 December 2016
P.U. (A) 353

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (KONVENSYEN
MENGENAI BANTUAN TADBIR BERSAMA DALAM
PERKARA CUKAI) 2016

*INCOME TAX (CONVENTION ON MUTUAL
ADMINISTRATIVE ASSISTANCE IN TAX MATTERS)
ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (KONVENSYEN MENGENAI BANTUAN TADBIR
BERSAMA DALAM PERKARA CUKAI) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 132B Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai) 2016**.

Bantuan tadbir bersama dalam perkara cukai

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan yang telah menandatangani Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai untuk menggalakkan semua bentuk bantuan tadbir dalam perkara berkenaan dengan apa-apa jenis cukai dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu hendaklah dikuatkuasakan.

JADUAL

KONVENSYEN MENGENAI BANTUAN TADBIR BERSAMA DALAM PERKARA CUKAI

Teks dipinda oleh peruntukan Protokol yang meminda Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai, yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2011.

Mukadimah

Negara-negara anggota Majlis Eropah dan negara-negara anggota Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), penandatanganan Konvensyen ini,

Mengambil kira bahawa perkembangan pergerakan antarabangsa orang, modal, barang dan perkhidmatan – walaupun ia dengan sendirinya sangat bermanfaat – telah meningkatkan kemungkinan pengelakan dan pelarian cukai dan oleh yang demikian menghendaki peningkatan kerjasama dalam kalangan pihak berkuasa cukai;

Mengalukan pelbagai usaha yang dibuat dalam tahun-tahun kebelakangan ini untuk memerangi pengelakan dan pelarian cukai pada peringkat antarabangsa, sama ada secara dua hala atau pelbagai hala;

Mengambil kira bahawa usaha yang terselaraskan antara Negara-Negara perlu untuk menggalakkan semua bentuk bantuan tadbir dalam perkara berkenaan dengan apa-apa jenis cukai sementara pada masa sama memastikan perlindungan yang mencukupi hak-hak pembayar cukai;

Mengiktiraf bahawa kerjasama antarabangsa boleh memainkan peranan penting dalam memudahkan penentuan liabiliti cukai yang betul dan dalam membantu pembayar cukai untuk menjamin hak-haknya;

Mengambil kira bahawa prinsip-prinsip asas yang memberikan hak atas tiap-tiap orang untuk mempunyai hak dan kewajipannya ditentukan mengikut tatacara undang-undang yang betul harus diiktiraf sebagai terpakai bagi perkara cukai di semua Negara dan Negara-Negara itu harus berusaha untuk melindungi kepentingan yang sah pembayar cukai, termasuk perlindungan yang sesuai terhadap diskriminasi dan cukai dua kali;

Meyakini bahawa Negara-Negara harus menjalankan langkah-langkah atau membekalkan maklumat, dengan mengambil perhatian mengenai keperluan untuk melindungi kerahsiaan maklumat, dan mengambil kira surat cara antarabangsa bagi perlindungan privasi dan aliran data peribadi;

Mengambil kira bahawa persekitaran kerjasama yang baharu telah muncul dan adalah sebaik-baiknya bahawa suatu surat cara pelbagai hala dijadikan tersedia untuk membenarkan sebanyak-banyaknya negara untuk memperoleh faedah daripada

persekitaran kerjasama yang baharu itu dan pada masa yang sama melaksanakan standard kerjasama antarabangsa yang paling tinggi dalam bidang cukai;

Berhasrat untuk membuat suatu konvensyen mengenai bantuan tadbir bersama dalam perkara cukai,

Telah bersetuju seperti yang berikut:

Bab I – Skop Konvensyen

Perkara 1 – Matlamat Konvensyen dan orang yang diliputi

1. Pihak-Pihak hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Bab IV, memberikan bantuan tadbir kepada satu sama lain dalam perkara cukai. Bantuan itu boleh melibatkan, jika sesuai, langkah-langkah yang diambil oleh badan kehakiman.
2. Bantuan tadbir tersebut hendaklah merangkumi:
 - a. pertukaran maklumat, termasuk pemeriksaan cukai serentak dan penyertaan dalam pemeriksaan cukai luar negara;
 - b. bantuan dalam mendapatkan balik, termasuk langkah-langkah pemuliharaan; dan
 - c. penyampaian dokumen.
3. Suatu Pihak hendaklah memberikan bantuan tadbir sama ada orang yang terjejas itu ialah pemastautin atau rakyat suatu Pihak atau mana-mana Negara lain.

Perkara 2 – Cukai yang diliputi

1. Konvensyen ini hendaklah terpakai:
 - a. bagi cukai yang berikut:
 - i. cukai atas pendapatan atau keuntungan,

- ii. cukai atas laba modal yang dikenakan secara berasingan daripada cukai atas pendapatan atau keuntungan,
 - iii. cukai atas kekayaan bersih,

yang dikenakan bagi pihak suatu Pihak; dan
- b. bagi cukai yang berikut:
- i. cukai atas pendapatan, keuntungan, laba modal atau kekayaan bersih yang dikenakan bagi pihak subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan suatu Pihak,
 - ii. caruman keselamatan sosial wajib yang kena dibayar kepada kerajaan umum atau kepada institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah undang-undang awam, dan
 - iii. cukai dalam kategori lain, kecuali duti kastam, yang dikenakan bagi pihak suatu Pihak, iaitu:
 - A. harta pusaka, pewarisan atau cukai hadiah,
 - B. cukai atas harta tak alih,
 - C. cukai penggunaan am, seperti cukai nilai tambah atau jualan,
 - D. cukai tertentu atas barang dan perkhidmatan seperti cukai eksais,
 - E. cukai atas penggunaan atau pemilikan kenderaan bermotor,
 - F. cukai atas penggunaan atau pemilikan harta alih selain kenderaan bermotor,
 - G. apa-apa cukai yang lain;
 - iv. cukai dalam kategori yang disebut dalam subperenggan iii. di atas yang dikenakan bagi pihak subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan suatu Pihak.
2. Cukai yang sedia ada yang baginya Konvesyen ini hendaklah terpakai disenaraikan dalam Lampiran A dalam kategori yang disebut dalam perenggan 1.

3. Pihak-Pihak hendaklah memberitahu Setiausaha Agung Majlis Eropah atau Setiausaha Agung OECD (kemudian daripada ini disebut sebagai “Pemegang Simpanan”) mengenai apa-apa perubahan yang akan dibuat kepada Lampiran A akibat daripada pengubahsuaian senarai yang dinyatakan dalam perenggan 2. Perubahan itu hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikut tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh pemberitahuan itu diterima oleh Pemegang Simpanan.
4. Konvensyen ini juga hendaklah terpakai, mulai dari penerimapakaiannya, bagi apa-apa cukai yang sama atau sebahagian besarnya serupa yang dikenakan di Negara Pejanji selepas mula berkuat kuasanya Konvensyen berkenaan dengan Pihak itu sebagai tambahan kepada atau menggantikan cukai yang sedia ada yang disenaraikan dalam Lampiran A dan, dalam hal itu, Pihak yang berkenaan hendaklah memberitahu salah satu Pemegang Simpanan mengenai penerimapakaian cukai yang berkenaan itu.

Bab II – Takrif am

Perkara 3 – Takrif

1. Bagi maksud Konvensyen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - a. istilah “Negara pemohon” dan “Negara dipohon” masing-masing ertinya mana-mana Pihak yang memohon bantuan tadbir dalam perkara cukai dan mana-mana Pihak yang dipohon untuk memberikan bantuan itu;
 - b. istilah “cukai” ertinya apa-apa cukai atau caruman keselamatan sosial yang baginya Konvensyen ini terpakai menurut Perkara 2;
 - c. istilah “tuntutan cukai” ertinya apa-apa amaun cukai, serta faedah atasnya, denda pentadbiran yang berkaitan dan kos sampingan bagi mendapatkan balik, yang terhutang dan belum dibayar;

- d. istilah “ pihak berkuasa berwibawa” ertinya orang dan pihak berkuasa yang disenaraikan dalam Lampiran B;
- e. istilah “rakyat” berhubung dengan suatu Pihak ertinya:
 - i. semua individu yang memiliki kerakyatan Pihak itu, dan
 - ii. semua orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan entiti lain yang memperoleh status mereka itu daripada undang-undang yang berkuat kuasa dalam Pihak itu.

Bagi setiap Pihak yang telah membuat perisytiharan bagi maksud tersebut, istilah-istilah yang digunakan di atas boleh difahami sebagaimana yang ditakrifkan dalam Lampiran C.

- 2. Berkenaan dengan pemakaian Konvensyen ini oleh suatu Pihak, mana-mana istilah yang tidak ditakrifkan dalam Konvensyen ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Pihak itu yang berkenaan dengan cukai yang diliputi oleh Konvensyen.
- 3. Pihak-Pihak hendaklah memberitahu salah satu Pemegang Simpanan mengenai apa-apa perubahan yang akan dibuat kepada Lampiran B dan C. Perubahan itu hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikuti tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh pemberitahuan itu diterima oleh Pemegang Simpanan yang berkenaan itu.

Bab III – Bentuk bantuan

Seksyen I – Pertukaran maklumat

Perkara 4 – Peruntukan am

- 1. Pihak-pihak hendaklah bertukar apa-apa maklumat, khususnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, yang dijangka berkaitan bagi

pentadbiran atau penguatkuasaan undang-undang domestik berkenaan dengan cukai yang diliputi oleh Konvensyen ini.

2. Dipotong.
3. Mana-mana Pihak boleh, melalui perisytiharan yang ditujukan kepada salah satu Pemegang Simpanan, menunjukkan bahawa, mengikut undang-undang dalamannya, pihak berkuasanya boleh memberitahu pemastautin atau rakyatnya sebelum menghantar maklumat berkenaan dengan orang itu, bertepatan dengan Perkara 5 dan 7.

Perkara 5 – Pertukaran maklumat atas permintaan

1. Atas permintaan Negara pemohon, Negara dipohon hendaklah memberi Negara pemohon apa-apa maklumat yang disebut dalam Perkara 4 yang berkenaan dengan orang atau transaksi yang khusus.
2. Sekiranya maklumat yang terdapat dalam fail cukai Negara dipohon tidak mencukupi untuk membolehkannya memenuhi permintaan bagi maklumat itu, Negara itu hendaklah mengambil semua langkah yang relevan untuk memberikan kepada Negara pemohon itu maklumat yang diminta.

Perkara 6 – Pertukaran maklumat automatik

Berkenaan dengan kategori kes dan mengikut tatacara yang akan mereka tentukan melalui persetujuan bersama, dua atau lebih Pihak hendaklah secara automatik bertukar maklumat yang disebut dalam Perkara 4.

Perkara 7 – Pertukaran maklumat secara spontan

1. Suatu Pihak hendaklah, tanpa meminta terlebih dahulu, menyampaikan kepada Pihak yang satu lagi maklumat yang ada dalam pengetahuannya dalam hal keadaan yang berikut:
 - a. Pihak yang mula-mula disebut itu mempunyai alasan bagi mengandaikan bahawa terdapat kerugian cukai di Pihak yang satu lagi;

- b. orang yang boleh dikenakan cukai mendapat pengurangan atau pengecualian cukai dalam Pihak yang mula-mula disebut yang akan menyebabkan kenaikan cukai atau liabiliti cukai di Pihak yang satu lagi;
 - c. urusan perniagaan antara orang yang boleh dikenakan cukai dalam suatu Pihak dengan orang yang boleh dikenakan cukai dalam Pihak yang satu lagi dikendalikan melalui satu atau lebih negara dengan apa-apa cara yang boleh menyebabkan penjimatan cukai dalam satu Pihak atau Pihak yang satu lagi atau kedua-dua Pihak;
 - d. suatu Pihak mempunyai alasan untuk mengandaikan bahawa penjimatan cukai boleh disebabkan oleh pemindahan keuntungan secara palsu dalam kumpulan perusahaan;
 - e. maklumat yang disampaikan kepada Pihak yang mula-mula disebut oleh Pihak yang satu lagi telah membolehkan maklumat diperoleh yang menjadi relevan dalam mentaksir liabiliti cukai dalam Pihak yang kemudian itu.
2. Setiap Pihak hendaklah mengambil langkah-langkah dan melaksanakan apa-apa tatacara yang perlu untuk memastikan bahawa maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 1 akan dijadikan tersedia untuk dihantar kepada Pihak yang satu lagi.

Perkara 8 – Pemeriksaan cukai serentak

1. Atas permintaan salah satu daripada mereka, dua atau lebih Pihak hendaklah berunding bersama-sama bagi maksud menentukan kes dan tatacara bagi pemeriksaan cukai serentak. Setiap Pihak yang terlibat hendaklah memutuskan sama ada atau tidak ingin mengambil bahagian dalam pemeriksaan cukai serentak tertentu.

2. Bagi maksud Konvensyen ini, pemeriksaan cukai serentak ertinya suatu perkiraan antara dua atau lebih Pihak untuk memeriksa secara serentak, setiapnya dalam wilayahnya sendiri, hal ehwal cukai orang atau orang-orang yang mempunyai kepentingan bersama atau yang berkaitan, dengan tujuan untuk bertukar apa-apa maklumat yang relevan yang mereka peroleh.

Perkara 9 – Pemeriksaan cukai luar Negara

1. Atas permintaan pihak berkuasa berwibawa Negara pemohon, pihak berkuasa berwibawa Negara dipohon boleh membenarkan wakil pihak berkuasa berwibawa Negara pemohon untuk hadir pada suatu bahagian pemeriksaan cukai yang sesuai dalam Negara dipohon.
2. Sekiranya permintaan itu dipersetujui, pihak berkuasa berwibawa Negara dipohon hendaklah, dengan secepat yang mungkin, memberitahu pihak berkuasa berwibawa Negara pemohon tentang masa dan tempat pemeriksaan itu, pihak berkuasa atau pegawai yang ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan dan tatacara dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh Negara dipohon bagi penjalanan pemeriksaan itu. Semua keputusan berkenaan dengan penjalanan pemeriksaan cukai itu hendaklah dibuat oleh Negara dipohon.
3. Suatu Pihak boleh memaklumkan salah satu Pemegang Simpanan mengenai niatnya untuk tidak menerima, sebagai prinsip am, permintaan itu sebagaimana yang disebut dalam perenggan 1. Perisytiharan itu boleh dibuat atau ditarik balik pada bila-bila masa.

Perkara 10 – Maklumat bercanggah

Sekiranya suatu Pihak menerima daripada Pihak yang satu lagi maklumat tentang hal ehwal cukai seseorang yang didapatinya bercanggah dengan maklumat yang dalam milikannya, ia hendaklah menasihati sewajarnya Pihak yang memberikan maklumat itu.

Seksyen II – Bantuan dalam mendapatkan balik

Perkara 11 – Mendapatkan balik tuntutan cukai

1. Atas permintaan Negara pemohon, Negara dipohon hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Perkara 14 dan 15, mengambil langkah yang perlu untuk mendapatkan balik tuntutan cukai Negara yang mula-mula disebut itu seolah-olah ia adalah tuntutan cukainya sendiri.
2. Peruntukan dalam perenggan 1 hendaklah terpakai hanya bagi tuntutan cukai yang menjadi subjek suatu surat cara yang membenarkan penguatkuasaannya dalam Negara pemohon dan, melainkan jika dipersetujui sebaliknya antara Pihak-Pihak yang berkenaan, yang tidak dipertikaikan. Walau bagaimanapun, jika tuntutan itu adalah terhadap orang yang bukan pemastautin Negara pemohon, perenggan 1 hendaklah hanya terpakai, melainkan jika dipersetujui sebaliknya antara Pihak-Pihak yang berkenaan, yang tuntutan itu mungkin tidak lagi dipersoalkan.
3. Kewajipan untuk memberi bantuan untuk mendapatkan balik tuntutan cukai berkenaan dengan si mati atau harta pusaka si mati, terhad kepada nilai harta pusaka atau harta yang diperoleh oleh setiap benefisiari harta pusaka itu, mengikut sama ada tuntutan itu hendaklah didapatkan balik daripada harta pusaka itu atau daripada benefisiari harta pusaka itu.

Perkara 12 – Langkah-langkah pemuliharaan

Atas permintaan Negara pemohon, Negara dipohon hendaklah, dengan tujuan untuk mendapatkan balik suatu amaun cukai, mengambil langkah-langkah pemuliharaan walaupun sekiranya tuntutan itu dipersoalkan atau belum lagi menjadi subjek suatu surat cara yang membenarkan penguatkuasaan.

Perkara 13 – Dokumen yang disertakan dengan permintaan

1. Permintaan bagi bantuan tadbir di bawah seksyen ini hendaklah disertakan dengan:
 - a. suatu perisytiharan bahawa tuntutan cukai itu adalah berkenaan dengan

suatu cukai yang diliputi oleh Konvensyen dan, dalam hal mendapatkan balik tuntutan cukai itu bahawa, tertakluk kepada perenggan 2 Perkara 11, tuntutan cukai itu adalah tidak atau tidak mungkin dipersoalkan,

- b. suatu salinan rasmi surat cara yang membenarkan penguatkuasaan di dalam Negara pemohon, dan
 - c. apa-apa dokumen lain yang dikehendaki bagi mendapatkan balik tuntutan cukai atau langkah-langkah pemuliharaan.
2. Surat cara yang membenarkan penguatkuasaan di dalam Negara pemohon hendaklah, jika bersesuaian dan mengikut peruntukan yang berkuat kuasa di Negara dipohon, diterima, diiktiraf, ditambah atau diganti dengan secepat yang mungkin selepas tarikh permintaan untuk bantuan diterima, oleh surat cara yang membenarkan penguatkuasaan di dalam Negara yang kemudian disebut.

Perkara 14 – Had masa

1. Persoalan berkenaan dengan apa-apa tempoh yang di luar suatu tuntutan cukai tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah ditadbir oleh undang-undang Negara pemohon. Permintaan bagi bantuan itu hendaklah memberikan butir-butir berkenaan dengan tempoh itu.
2. Tindakan untuk mendapatkan balik tuntutan cukai yang dijalankan oleh Negara dipohon menurut suatu permintaan bagi bantuan, yang, mengikut undang-undang Negara itu, akan mempunyai kesan menangguhkan atau mengganggu tempoh yang disebut dalam perenggan 1, hendaklah juga mempunyai kesan ini di bawah undang-undang Negara pemohon. Negara dipohon hendaklah memaklumkan Negara pemohon tentang tindakan itu.
3. Dalam apa-apa hal, Negara dipohon tidaklah berkewajipan untuk memenuhi suatu permintaan bagi bantuan yang diserahkan selepas tempoh 15 tahun dari tarikh surat cara asal yang membenarkan penguatkuasaan.

Perkara 15 – Keutamaan

Tuntutan cukai yang bantuan diberikan untuk mendapatkannya balik hendaklah tidak mempunyai apa-apa keutamaan di Negara dipohon yang diberikan secara khas kepada tuntutan cukai Negara itu walaupun jika tatacara untuk mendapatkannya balik yang digunakan ialah tatacara yang terpakai bagi tuntutan cukainya sendiri.

Perkara 16 – Penangguhan bayaran

Negara dipohon boleh membenarkan penangguhan bayaran atau bayaran secara ansuran jika undang-undang atau amalan pentadbirannya membenarkannya untuk berbuat demikian dalam keadaan yang serupa, tetapi hendaklah terlebih dahulu memaklumkan Negara pemohon.

Seksyen III – Penyampaian dokumen**Perkara 17 – Penyampaian dokumen**

1. Atas permintaan Negara pemohon, Negara dipohon hendaklah menyampaikan kepada penerima dokumen, termasuk apa-apa yang berhubungan dengan keputusan penghakiman, yang datang dari Negara pemohon dan yang berkaitan dengan suatu cukai yang diliputi oleh Konvensyen ini.
2. Negara dipohon hendaklah melaksanakan penyampaian dokumen:
 - a. melalui suatu kaedah yang ditetapkan oleh undang-undang domestiknya bagi penyampaian dokumen yang mempunyai secara substantif sifat yang serupa;
 - b. setakat yang mungkin, melalui suatu kaedah tertentu yang diminta oleh Negara pemohon atau kaedah yang paling hampir dengan kaedah itu yang tersedia di bawah undang-undangnya sendiri.
3. Suatu Pihak boleh melaksanakan penyampaian dokumen secara terus melalui pos kepada orang yang berada dalam wilayah Pihak yang satu lagi.

4. Tiada apa-apa jua pun dalam Konvensyen boleh ditafsirkan sebagai menidaksahkan apa-apa penyampaian dokumen oleh suatu Pihak mengikut undang-undangnya.
5. Apabila suatu dokumen disampaikan mengikut perkara ini, ia tidak perlu disertakan dengan terjemahan. Walau bagaimanapun, jika jelas penerima tidak boleh memahami bahasa dokumen itu, Negara dipohon hendaklah membuat perkiraan supaya ia diterjemahkan kepada atau suatu ringkasan dibuat dalam bahasa rasminya atau dalam salah satu bahasa rasminya. Secara alternatif, ia boleh meminta Negara pemohon agar dokumen itu sama ada diterjemahkan atau disertakan dengan suatu ringkasan dalam salah satu bahasa rasmi Negara dipohon, Majlis Eropah atau OECD.

Bab IV – Peruntukan yang berhubungan dengan semua bentuk bantuan

Perkara 18 – Maklumat yang akan diberikan oleh Negara pemohon

1. Suatu permintaan bagi bantuan hendaklah menyatakan jika bersesuaian:
 - a. pihak berkuasa atau agensi yang memulakan permintaan yang dibuat oleh pihak berkuasa berwibawa;
 - b. nama, alamat, atau apa-apa butir-butir lain yang membantu untuk mengenal pasti orang yang berkenaan dengannya permintaan itu dibuat;
 - c. dalam hal suatu permintaan bagi maklumat, bentuk yang Negara pemohon hasratkan bagi maklumat itu dibekalkan agar memenuhi keperluannya;
 - d. dalam hal suatu permintaan bagi bantuan dalam mendapatkan balik tuntutan cukai atau langkah-langkah pemuliharaan, sifat tuntutan cukai, komponen tuntutan cukai dan aset yang daripadanya tuntutan cukai itu boleh didapatkan balik;
 - e. dalam hal suatu permintaan bagi penyampaian dokumen, sifat dan subjek dokumen yang hendak disampaikan;

- f. sama ada ia bertepatan dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara pemohon dan sama ada ia mempunyai justifikasi selaras dengan kehendak Perkara 21.2.g.
2. Sebaik sahaja apa-apa maklumat lain yang relevan dengan permintaan bagi bantuan sampai kepada pengetahuannya, Negara pemohon hendaklah menyampaikannya kepada Negara dipohon.

Perkara 19 – Dipotong

Perkara 20 – Respons terhadap permintaan bagi bantuan

1. Jika permintaan bagi bantuan dipenuhi, Negara dipohon hendaklah memaklumkan Negara pemohon mengenai tindakan yang diambil dan keputusan bantuan itu dengan secepat yang mungkin.
2. Jika permintaan itu ditolak, Negara dipohon hendaklah memaklumkan Negara pemohon mengenai keputusan itu dan alasan baginya dengan secepat yang mungkin.
3. Jika, berkenaan dengan suatu permintaan bagi maklumat, Negara pemohon telah menyatakan bentuk yang ia hasratkan bagi maklumat itu dibekalkan dan Negara dipohon boleh berbuat demikian, Negara dipohon hendaklah membekalkannya dalam bentuk yang diminta.

Perkara 21 – Pelindungan terhadap orang dan had kepada kewajipan untuk memberikan bantuan

1. Tiada apa-apa jua pun dalam Konvensyen ini boleh menyentuh hak dan pelindungan yang dijamin terhadap terhadap orang oleh undang-undang atau amalan pentadbiran Negara dipohon.
2. Kecuali dalam hal Perkara 14, peruntukan Konvensyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mengenakan kewajipan terhadap Negara dipohon:

- a. untuk menjalankan langkah-langkah yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbirannya sendiri atau undang-undang atau amalan pentadbiran Negara pemohon;
- b. untuk menjalankan langkah-langkah yang akan bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*);
- c. untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undangya sendiri atau amalan pentadbirannya atau di bawah undang-undang Negara pemohon atau amalan pentadbirannya;
- d. untuk membekalkan maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersil atau profesional, atau proses perdagangan, atau maklumat yang penzahirannya akan bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*);
- e. untuk memberikan bantuan tadbir jika dan setakat yang ia fikirkan bahawa pencukaian dalam Negara pemohon bertentangan dengan prinsip pencukaian yang diterima umum atau dengan peruntukan suatu konvensyen pengelakan cukai dua kali, atau mana-mana konvensyen lain yang telah dibuat oleh Negara dipohon dengan Negara pemohon;
- f. untuk memberikan bantuan tadbir bagi maksud mentadbir atau menguatkuasakan peruntukan undang-undang cukai Negara pemohon, atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya, yang mendiskriminasikan seorang rakyat Negara dipohon berbanding dengan seorang rakyat Negara pemohon dalam keadaan yang sama;
- g. untuk memberikan bantuan tadbir jika Negara pemohon belum mengambil semua langkah yang munasabah yang tersedia di bawah undang-undangya atau amalan pentadbirannya, kecuali jika langkah-langkah itu diambil akan mengakibatkan kesukaran yang tidak berpadanan;

- h. untuk memberikan bantuan untuk mendapatkan balik tuntutan cukai dalam hal yang beban tadbir bagi Negara itu adalah jelas tidak berpadanan dengan manfaat yang akan didapati oleh Negara pemohon.
3. Jika maklumat diminta oleh Negara pemohon mengikut Konvensyen ini, Negara dipohon hendaklah menggunakan langkah-langkah pengumpulan maklumatnya untuk memperoleh maklumat yang diminta, walaupun Negara dipohon mungkin tidak memerlukan maklumat itu bagi maksud cukainya sendiri. Kewajipan yang terkandung dalam ayat terdahulu adalah tertakluk kepada had yang terkandung dalam Konvensyen ini, tetapi tidak sekali-kali dalam apa jua hal had itu boleh, termasuk secara khususnya perenggan 1 dan 2, ditafsirkan untuk membenarkan suatu Negara dipohon untuk menolak daripada membekalkan maklumat semata-mata kerana ia tidak mempunyai kepentingan domestik terhadap maklumat itu.
4. Tidak sekali-kali dalam apa jua hal peruntukan Konvensyen ini, termasuk secara khususnya perenggan 1 dan 2, ditafsirkan untuk membenarkan suatu Negara dipohon untuk menolak daripada membekalkan maklumat semata-mata kerana maklumat itu disimpan oleh bank, institusi kewangan yang lain, penama atau orang yang bertindak dalam kapasiti agensi atau fidusiari atau kerana ia berkaitan dengan kepentingan pemilikan dalam seseorang.

Perkara 22 – Kerahsiaan

1. Apa-apa maklumat yang diperoleh suatu Pihak di bawah Konvensyen ini hendaklah dikira sebagai rahsia dan dilindungi mengikut cara yang sama sebagaimana maklumat yang didapati di bawah undang-undang domestik Pihak itu dan, setakat yang diperlukan untuk memastikan tahap perlindungan data peribadi yang perlu, mengikut perlindungan yang ditentukan oleh Pihak yang membekalkan sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang domestiknya.
2. Maklumat itu hendaklah dalam apa-apa hal dizahirkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan pentadbiran atau penyeliaan)

yang berkenaan dengan taksiran, pemungutan atau mendapatkan balik, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau penentuan rayuan berhubung dengan, cukai Pihak itu, atau pengawasan perkara di atas. Hanya orang atau pihak berkuasa yang dinyatakan di atas boleh menggunakan maklumat itu dan hanya bagi maksud itu. Mereka boleh, walau apa pun peruntukan perenggan 1, menzahirkannya di dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan penghakiman yang berhubungan dengan cukai itu.

3. Jika suatu Pihak telah membuat suatu reservasi yang diperuntukkan dalam subperenggan a. perenggan 1 Perkara 30, mana-mana Pihak lain yang memperoleh maklumat daripada Pihak itu tidak boleh menggunakannya bagi maksud cukai dalam kategori yang tertakluk kepada reservasi itu. Serupalah juga, Pihak yang membuat reservasi itu tidak boleh menggunakan maklumat yang diperoleh di bawah Konvensyen ini bagi maksud cukai dalam kategori yang tertakluk kepada reservasi itu.
4. Walau apa pun peruntukan perenggan 1, 2 dan 3, maklumat yang diterima oleh suatu Pihak boleh digunakan bagi maksud lain apabila maklumat itu boleh digunakan bagi maksud lain di bawah undang-undang Pihak yang membekalkan dan pihak berkuasa berwibawa Pihak itu membenarkan penggunaan sedemikian. Maklumat yang diberikan oleh suatu Pihak kepada Pihak yang satu lagi boleh dihantar oleh pihak yang terkemudian kepada Pihak ketiga, tertakluk kepada kebenaran awal oleh pihak berkuasa berwibawa Pihak yang mula-mula disebut.

Perkara 23 – Prosiding

1. Prosiding yang berhubungan dengan langkah-langkah yang diambil di bawah Konvensyen ini oleh Negara dipohon hendaklah dibawa hanya di hadapan badan yang sesuai Negara itu.
2. Prosiding yang berhubungan dengan langkah-langkah yang diambil di bawah Konvensyen ini oleh Negara pemohon, khususnya prosiding yang, dalam bidang tindakan mendapatkan balik, berkenaan dengan kewujudan atau amaun

tuntutan cukai atau surat cara yang membenarkan penguatkuasaannya, hendaklah dibawa di hadapan badan yang sesuai Negara itu. Jika prosiding situ dibawa, Negara pemohon hendaklah memaklumkan Negara dipohon yang hendaklah menggantung tatacara itu sementara menunggu keputusan badan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Negara dipohon hendaklah, jika diminta oleh Negara pemohon, mengambil langkah-langkah pemuliharaan untuk melindungi tindakan mendapatkan balik. Negara dipohon juga boleh dimaklumkan mengenai prosiding itu oleh mana-mana orang yang berkepentingan. Apabila maklumat itu diterima, Negara dipohon hendaklah berunding mengenai perkara itu, jika perlu, dengan Negara pemohon.

3. Sebaik sahaja keputusan muktamad dalam prosiding itu telah diberikan, Negara dipohon atau Negara pemohon, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberitahu Negara yang satu lagi mengenai keputusan itu dan implikasi terhadap permintaan bagi bantuan itu.

Bab V – Peruntukan khas

Perkara 24 – Pelaksanaan Konvensyen

1. Pihak-Pihak hendaklah berkomunikasi antara satu sama lain bagi pelaksanaan Konvensyen ini melalui pihak berkuasa berwibawa mereka masing-masing. Pihak-pihak berkuasa berwibawa boleh berkomunikasi secara terus bagi maksud ini dan boleh memberi kuasa kepada pihak berkuasa bawahan untuk bertindak bagi pihak mereka. Pihak-pihak berkuasa berwibawa bagi dua atau lebih Pihak boleh bersama-sama bersetuju mengenai cara pemakaian Konvensyen ini dalam kalangan mereka.
2. Jika Negara dipohon fikirkan bahawa pemakaian Konvensyen ini dalam hal tertentu akan memberikan akibat yang serius dan tidak diingini, pihak-pihak berkuasa berwibawa Negara dipohon dan Negara pemohon hendaklah berunding sesama sendiri dan berusaha untuk menyelesaikan situasi itu melalui persetujuan bersama.

3. Suatu badan penyelaras yang terdiri daripada wakil pihak-pihak berkuasa berwibawa Pihak-Pihak hendaklah mengawasi pelaksanaan dan kemajuan Konvensyen ini, di bawah naungan OECD. Untuk tujuan itu, badan penyelaras hendaklah mencadangkan apa-apa tindakan yang berkemungkinan untuk meneruskan matlamat am Konvensyen. Secara khususnya ia hendaklah bertindak sebagai suatu forum bagi kajian kaedah dan tatacara baharu untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam perkara cukai dan, jika sesuai, ia boleh mencadangkan semakan atau pindaan kepada Konvensyen. Negara yang telah menandatangani tetapi belum meratifikasi, menerima atau meluluskan Konvensyen berhak untuk diwakili dalam mesyuarat badan penyelaras sebagai pemerhati.
4. Suatu Pihak boleh meminta badan penyelaras untuk memberikan pendapat mengenai tafsiran peruntukan dalam Konvensyen.
5. Jika kesukaran atau keraguan timbul antara dua atau lebih Pihak tentang pelaksanaan atau tafsiran Konvensyen, pihak berkuasa berwibawa Pihak-Pihak itu hendaklah berusaha untuk menyelesaikan perkara itu melalui persetujuan bersama. Persetujuan itu hendaklah disampaikan kepada badan penyelaras.
6. Setiausaha Agung OECD hendaklah memaklumkan Pihak-Pihak, dan Negara-Negara Penandatangan yang masih belum meratifikasi, menerima atau meluluskan Konvensyen, pendapat yang diberikan oleh badan penyelaras mengikut peruntukan perenggan 4 di atas dan persetujuan bersama yang dicapai di bawah perenggan 5 di atas.

Perkara 25 - Bahasa

Permintaan bagi bantuan dan jawapan kepadanya hendaklah dibuat dalam salah satu bahasa rasmi OECD dan Majlis Eropah atau dalam apa-apa bahasa lain yang dipersetujui secara dua hala antara Negara-Negara Pejanji yang berkenaan.

Perkara 26 – Kos

Melainkan jika dipersetujui sebaliknya secara dua hala oleh Pihak-Pihak yang berkenaan:

- a. kos biasa yang dilakukan dalam memberikan bantuan hendaklah ditanggung oleh Negara dipohon;
- b. kos luar biasa yang dilakukan dalam memberikan bantuan hendaklah ditanggung oleh Negara pemohon.

Bab VI – Peruntukan akhir**Perkara 27 – Perjanjian atau perkiraan antarabangsa yang lain**

1. Kemungkinan bantuan yang diberikan oleh Konvensyen ini tidak menghadkan, atau dihadkan oleh, apa-apa yang terkandung dalam perjanjian antarabangsa yang sedia ada atau masa depan atau perkiraan lain antara Pihak-Pihak yang berkenaan atau surat cara lain berhubung dengan kerjasama dalam perkara cukai.
2. Walau apa pun perenggan 1, Pihak-Pihak yang merupakan Negara-Negara anggota Kesatuan Eropah boleh memakai, dalam hubungan bersama mereka, kemungkinan bantuan yang boleh diberikan oleh Konvensyen setakat kemungkinan bantuan itu membenarkan kerjasama yang lebih luas daripada kemungkinan yang ditawarkan oleh kaedah-kaedah Kesatuan Eropah yang terpakai.

Perkara 28 – Tandatangan dan permulaan kuat kuasa Konvensyen

1. Konvensyen ini hendaklah terbuka untuk ditandatangani oleh Negara-Negara anggota Majlis Eropah dan negara-negara anggota OECD. Ia adalah tertakluk kepada ratifikasi, penerimaan atau persetujuan. Surat cara ratifikasi, penerimaan atau persetujuan hendaklah didepositkan dengan salah satu Pemegang Simpanan.

2. Konvensyen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikuti tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh yang lima Negara telah menyatakan persetujuan mereka untuk terikat oleh Konvensyen mengikut peruntukan perenggan 1.
3. Berkenaan dengan mana-mana Negara anggota Majlis Eropah atau mana-mana negara anggota OECD yang kemudiannya menyatakan persetujuannya untuk terikat oleh Konvensyen, Konvensyen hendaklah mula berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikuti tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh surat cara ratifikasi, penerimaan atau persetujuan didepositkan.
4. Mana-mana Negara anggota Majlis Eropah atau mana-mana negara anggota OECD yang menjadi Pihak kepada Konvensyen selepas mula berkuat kuasanya Protokol yang meminda Konvensyen ini, dibuka untuk ditandatangani pada 27 Mei 2010 ("Protokol 2010"), hendaklah menjadi Pihak kepada Konvensyen sebagaimana yang dipinda oleh Protokol itu, melainkan jika mereka menyatakan niat yang berbeza dalam komunikasi bertulis kepada salah satu Pemegang Simpanan.
5. Selepas mula berkuat kuasanya Protokol 2010, mana-mana Negara yang bukan anggota Majlis Eropah atau anggota OECD boleh meminta untuk diundang untuk menandatangani dan meratifikasi Konvensyen ini sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010. Apa-apa permintaan untuk perkara ini hendaklah ditujukan kepada salah satu Pemegang Simpanan, yang hendaklah menghantarnya kepada Pihak-Pihak. Pemegang Simpanan juga hendaklah memaklumkan Jawatankuasa Menteri Majlis Eropah dan Majlis OECD. Keputusan untuk mengundang Negara-Negara yang meminta sedemikian untuk menjadi Pihak kepada Konvensyen ini hendaklah dibuat secara sepersetujuan oleh Pihak-Pihak kepada Konvensyen ini melalui badan penyelaras. Berkenaan dengan mana-mana Negara yang meratifikasi Konvensyen sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010 mengikut perenggan ini, Konvensyen ini hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikuti tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh surat cara ratifikasi didepositkan dengan salah satu Pemegang Simpanan.

6. Peruntukan Konvensyen ini, sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010, hendaklah mula berkuat kuasa bagi bantuan tadbir yang berhubung dengan tempoh boleh dicukai bermula pada atau selepas 1 Januari tahun yang mengikuti tahun Konvensyen ini, sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010, mula berkuat kuasa berkenaan dengan suatu Pihak, atau jika tiada tempoh boleh dicukai, bagi bantuan tadbir berkaitan dengan caj cukai yang timbul pada atau selepas 1 Januari tahun yang mengikuti tahun yang Konvensyen, sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010, mula berkuat kuasa berkenaan dengan suatu Pihak. Mana-mana dua atau lebih Pihak boleh bersama-sama bersetuju bahawa Konvensyen, sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010, hendaklah mula berkuat kuasa bagi bantuan tadbir berhubung dengan tempoh boleh dicukai atau caj cukai yang lebih awal.
7. Walau apa pun perenggan 6, bagi perkara cukai yang melibatkan kelakuan sengaja yang boleh didakwa di bawah undang-undang jenayah Pihak pemohon, peruntukan Konvensyen ini, sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010, hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh mula berkuat kuasanya berkenaan dengan suatu Pihak berhubung dengan tempoh boleh dicukai atau caj cukai yang lebih awal.

Perkara 29 – Pemakaian wilayah Konvensyen

1. Setiap Negara boleh, pada masa menandatangani, atau apabila mendepositkan surat cara ratifikasi, penerimaan atau persetujuan, menyatakan wilayah atau wilayah-wilayah yang baginya Konvensyen ini terpakai.
2. Mana-mana Negara boleh, pada mana-mana tarikh yang terkemudian, melalui suatu perisytiharan yang ditujukan kepada salah satu Pemegang Simpanan, meluaskan pemakaian Konvensyen ini bagi mana-mana wilayah lain yang dinyatakan dalam perisytiharan. Berkenaan dengan wilayah itu Konvensyen hendaklah mula berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikuti tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh perisytiharan itu diterima oleh Pemegang Simpanan.

3. Apa-apa perisytiharan yang dibuat di bawah salah satu daripada dua perenggan terdahulu boleh, berkenaan dengan mana-mana wilayah yang dinyatakan dalam perisytiharan itu, ditarik balik melalui suatu pemberitahuan yang ditujukan kepada salah satu Pemegang Simpanan. Penarikan balik itu hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikuti tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh pemberitahuan itu diterima oleh Pemegang Simpanan.

Perkara 30 – Reservasi

1. Mana-mana Negara boleh, pada masa menandatangani atau mendepositkan surat cara ratifikasi, penerimaan atau persetujuannya atau pada mana-mana tarikh yang terkemudian, mengisytiharkan bahawa ia mengekalkan hak:
 - a. untuk tidak memberikan apa-apa bentuk bantuan berhubung dengan cukai Pihak-Pihak yang lain dalam mana-mana kategori yang disenaraikan dalam subperenggan b. perenggan 1 Perkara 2, dengan syarat bahawa ia telah tidak memasukkan apa-apa cukai domestik dalam kategori itu di bawah Lampiran A Konvensyen;
 - b. untuk tidak memberikan bantuan untuk mendapatkan balik apa-apa tuntutan cukai, atau mendapatkan balik suatu denda pentadbiran, bagi semua cukai atau hanya bagi cukai dalam satu atau lebih kategori yang disenaraikan dalam perenggan 1 Perkara 2;
 - c. untuk tidak memberikan bantuan berkenaan dengan apa-apa tuntutan cukai, yang sedia ada pada tarikh mula berkuat kuasa Konvensyen berkenaan dengan Negara itu atau, jika suatu reservasi telah dibuat sebelum itu di bawah subperenggan a. atau b. di atas, pada tarikh penarikan balik reservasi itu berhubung dengan cukai yang dalam kategori berkenaan;
 - d. untuk tidak memberikan bantuan dalam penyampaian dokumen bagi semua cukai atau hanya bagi cukai dalam satu atau lebih kategori yang disenaraikan dalam perenggan 1 Perkara 2;

- e. untuk tidak membenarkan penyampaian dokumen melalui pos sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 3 Perkara 17;
 - f. untuk memakai perenggan 7 Perkara 28 secara eksklusif bagi bantuan pentadbiran berhubung dengan tempoh boleh dicukai bermula pada atau selepas 1 Januari tahun ketiga sebelum tahun yang Konvensyen ini, sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010, mula berkuat kuasa berkenaan dengan suatu Pihak, atau jika tiada tempoh boleh dicukai, bagi bantuan tadbir berkaitan dengan caj cukai yang timbul pada atau selepas 1 Januari tahun ketiga sebelum tahun yang Konvensyen, sebagaimana yang dipinda oleh Protokol 2010, mula berkuat kuasa berkenaan dengan suatu Pihak.
2. Tiada reservasi lain boleh dibuat.
 3. Selepas mula berkuat kuasanya Konvensyen berkenaan dengan suatu Pihak, Pihak itu boleh membuat satu atau lebih reservasi yang disenaraikan dalam perenggan 1 yang tidak dibuat pada masa ratifikasi, penerimaan atau persetujuan. Reservasi itu hendaklah mula berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikut tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh reservasi diterima oleh salah satu Pemegang Simpanan.
 4. Mana-mana Pihak yang telah membuat reservasi di bawah perenggan 1 dan 3 boleh secara keseluruhan atau sebahagiannya menarik balik melalui cara suatu pemberitahuan yang ditujukan kepada salah satu Pemegang Simpanan. Penarikan balik itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh pemberitahuan itu diterima oleh Pemegang Simpanan yang berkenaan.
 5. Suatu Pihak yang telah membuat suatu reservasi berkenaan dengan peruntukan Konvensyen ini tidak boleh menghendaki pemakaian peruntukan itu oleh mana-mana Pihak lain; ia boleh, walau bagaimanapun, jika reservasinya adalah sebahagian, menghendaki pemakaian peruntukan itu setakat yang ia sendiri telah menerimanya.

Perkara 31 – Pembatalan

1. Mana-mana Pihak boleh, pada bila-bila masa, membatalkan Konvensyen ini dengan cara pemberitahuan yang ditujukan kepada salah satu Pemegang Simpanan.
2. Pembatalan itu hendaklah mula berkuat kuasa pada hari pertama bagi bulan yang mengikut tamat tempoh tiga bulan selepas tarikh pemberitahuan itu diterima oleh Pemegang Simpanan.
3. Mana-mana Pihak yang membatalkan Konvensyen hendaklah kekal terikat oleh peruntukan Perkara 22 selagi ia mengekalkan dalam milikannya apa-apa dokumen atau maklumat yang diperolehnya di bawah Konvensyen.

Perkara 32 – Pemegang simpanan dan fungsinya

1. Pemegang Simpanan yang dengannya suatu tindakan, pemberitahuan atau komunikasi telah dilaksanakan, hendaklah memberitahu Negara-Negara anggota Majlis Eropah dan negara anggota OECD dan mana-mana Pihak kepada Konvensyen ini:
 - a. apa-apa tandatangan;
 - b. pendepositan apa-apa surat cara ratifikasi, penerimaan atau persetujuan;
 - c. mana-mana tarikh mula berkuat kuasa Konvensyen ini mengikut peruntukan Perkara 28 dan 29;
 - d. apa-apa perisytiharan yang dibuat menurut peruntukan perenggan 3 Perkara 4 atau perenggan 3 Perkara 9 dan penarikan balik apa-apa perisytiharan itu;
 - e. apa-apa reservasi yang dibuat menurut peruntukan Perkara 30 dan penarikan balik apa-apa reservasi yang dilakukan menurut peruntukan perenggan 4 Perkara 30;

- f. apa-apa pemberitahuan yang diterima menurut peruntukan perenggan 3 atau 4 Perkara 2, perenggan 3 Perkara 3, Perkara 29 atau perenggan 1 Perkara 31;
 - g. apa-apa tindakan, pemberitahuan atau komunikasi lain yang berhubungan dengan Konvensyen ini.
2. Pemegang Simpanan yang menerima suatu komunikasi atau membuat suatu pemberitahuan menurut peruntukan perenggan 1 hendaklah serta-merta memaklumkan Pemegang Simpanan yang lain mengenainya.

Pada menyaksikan hal tersebut yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya, telah menandatangani Konvensyen.

Dibuat oleh Pemegang Simpanan pada 1 Jun 2011 menurut Perkara X.4 Protokol yang meminda Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai, dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis, kedua-dua teks adalah sama sahinya, dalam dua salinan yang satu daripadanya hendaklah didepositkan di dalam arkib setiap Pemegang Simpanan. Pemegang Simpanan hendaklah menghantar sesalinan yang diperakui kepada setiap Pihak kepada Konvensyen sebagaimana yang dipinda oleh Protokol dan kepada setiap Negara yang berhak untuk menjadi pihak.

LAMPIRAN A

